

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH  
[ LEDANG ]**

**TARIKH : 21 MAC 2022 (ISNIN)**

**SOALAN NO. 68**

**TUAN SYED IBRAHIM BIN SYED NOH [ LEDANG ]** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan bagi mengurus dakwaan :-

- (a) monopoli syarikat-syarikat besar dalam sektor logistik sehingga wujud persaingan tidak sihat yang membawa kesan buruk kepada pengusaha persendirian; dan
- (b) tindakan sesetengah syarikat logistik tidak mematuhi pelaksanaan standard gaji minimum yang ditetapkan Kerajaan kepada pekerja dan pemandu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Dipertua,**

1. Pihak Kerajaan memandang berat dakwaan berkenaan monopoli syarikat-syarikat besar di dalam sektor logistik sehingga mewujudkan persaingan tidak sihat yang memberi kesan buruk kepada pengusaha persendirian.
2. Malahan mengikut laporan kajian *Market Review* berhubung *Selected Transportation Sectors in Malaysia under Competition Act 2010* oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) yang diterbitkan pada 25 Januari 2021, didapati terdapat persaingan yang tinggi bagi bidang *freight forwarders, shipping liners*, dan operator gudang di Malaysia.
3. Malah bagi mewujudkan *ease of trade* serta meningkatkan persaingan syarikat logistik di persada antarabangsa, pemain industri di dalam sektor logistik digalakkan untuk membentuk pakatan menerusi M&A (*merger and acquisition*) sebagai penyedia logistik pihak keempat (4PL) seperti yang digariskan di dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).
4. Ini dirancang bagi menggiatkan usaha menjadikan Malaysia sebagai hab serantau di samping meningkatkan daya saing pemain industri dan memperluas pasaran di rantau ini.
5. Berdasarkan pendaftaran di dalam Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) yang dibangunkan oleh MOT, terdapat sebanyak 83,201 syarikat logistik yang diluluskan permohonan untuk pergerakan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang meliputi industri-industri berikut:
  - i) pengangkutan perdagangan darat/udara/maritim;
  - ii) pergudangan;
  - iii) freight forwarder;
  - iv) ejen perkapalan;

- v) ejen kastam; dan
  - vi) perkhidmatan *ancillary* kepada pelabuhan dan lapangan terbang.
6. Pada masa yang sama, Kerajaan turut memandang berat dakwaan bahawa tindakan sesetengah syarikat logistik tidak mematuhi pelaksanaan standard gaji minimum yang ditetapkan Kerajaan kepada pekerja dan pemandu.
7. Sebagaimana yang diketahui umum, Kerajaan telah mewartakan Perintah Gaji Minimum (PGM 2020) (P.U. (A) 5/2020) pada 10 Januari 2020 yang berkuatkuasa mulai 1 Februari 2020. Kadar gaji minimum ditetapkan sebanyak RM1,200 sebulan bagi pekerja yang bekerja dalam mana-mana 56 kawasan Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran yang dinyatakan dalam Jadual PGM 2020. Bagi kawasan selainnya, kadar gaji minimum ialah RM1,100 sebulan. Perintah ini terpakai kepada semua pekerja kecuali pekhidmat domestik.
8. Selaras Seksyen 43 Akta Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) [Akta 732], majikan yang tidak membayar gaji pokok sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah gaji minimum kepada pekerjanya melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi RM10,000 bagi setiap pekerja.
9. Dalam hal ini, Akta 732 telah memberikan kuasa kepada Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Semenanjung Malaysia, JTK Sabah dan JTK Sarawak untuk menjalankan penguatkuasaan dan penyiasatan berhubung pelaksanaan gaji minimum.
10. Mekanisme yang digunakan oleh pihak JTK bagi pemantauan dan penguatkuasaan gaji minimum yang lebih berkesan adalah seperti yang berikut:

- (i) pemeriksaan berkanun, yang merupakan suatu aktiviti rutin iaitu lawatan ke tempat kerja oleh pegawai-pegawai JTK bagi memeriksa aspek pematuhan undang-undang buruh oleh majikan. Bilangan majikan di bawah sektor pengangkutan

dan penyimpanan yang telah dijalankan pemeriksaan berkanun pada tahun 2021 adalah sebanyak 400 majikan dan 105 majikan pada tahun 2022;

- (ii) pengendalian tuntutan kes buruh di Mahkamah Buruh yang difailkan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum. Terdapat 5 kes buruh telah difailkan oleh pekerja atas tuntutan gaji minima pada tahun 2021. Manakala tiada sebarang kes buruh diterima Pejabat Tenaga Kerja bagi tuntutan yang sama pada tahun 2022 terhadap majikan di bawah sektor pengangkutan dan penyimpanan ;
- (iii) penyiasatan aduan berhubung kegagalan majikan membayar gaji minimum yang difailkan oleh pekerja di JTK. Sebanyak 6 aduan diterima Pejabat Tenaga Kerja pada tahun 2021 berhubung gaji minima dan 1 aduan telah difailkan berkaitan isu yang sama terhadap majikan di bawah sektor pengangkutan dan penyimpanan ; dan
- (iv) pendakwaan terhadap majikan-majikan yang masih berdegil untuk membayar kadar gaji minimum kepada pekerja. Bagi tahun 2021 dan 2022, tiada kertas siasatan dibuka dan tindakan pendakwaan dijalankan terhadap majikan di bawah sektor pengangkutan dan penyimpanan.

Sekian, terima kasih.